



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PERPADUAN NEGARA

USAHA KEMENTERIAN DALAM MEMPERTAHANKAN KEHARMONIAN NEGARA

Saya menyeru semua pihak agar tidak membuat sebarang tindakan serta berhenti mengeluarkan kenyataan yang boleh mencetuskan polemik perkauman dan menggugat sensitiviti masyarakat berbilang bangsa. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, adalah menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian negara dengan tidak melakukan perbuatan provokasi dan keganasan yang akan mengakibatkan konflik dan kekacauan.

Walaupun Kementerian Perpaduan Negara (KPN) tiada kuasa atau peruntukan khas seperti akta untuk mengambil tindakan-tindakan dari segi perundangan, tetapi Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) berperanan penting dalam membantu mengurus isu perpaduan. Antara mekanisme pengurusan isu perpaduan yang sedang dilaksanakan oleh JPNIN adalah:

1. **Pengurusan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi melalui Sistem E-Sepakat** - mekanisme dalaman JPNIN bertujuan untuk gerak kerja pengesanan, pemantauan dan pelaporan isu perpaduan secara digital bagi menggantikan kaedah manual. Penggunaan sistem ini melibatkan peranan pengguna (*user*) dalam kalangan Pegawai Perpaduan di peringkat Daerah, Negeri dan Ibu Pejabat secara menyeluruh. Maklumat ini turut dikongsi bersama rakan-rakan strategik kementerian seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).
2. **Dashboard Analitik Perpaduan**- menyokong kepada sistem E-Sepakat dalam meningkatkan lagi kecekapan gerak kerja pengurusan isu keharmonian masyarakat melalui pemetaan (*mapping*) kawasan-kawasan yang berisiko tinggi (*high-risk*) dan panas (*hot-spot*) yang mampu mengganggu gugat keharmonian antara kaum dan agama. Pada masa yang sama juga, ia membantu menambahbaik pemantauan tahap dan iklim perhubungan antara

3. kaum yang bertindak sebagai sistem amaran awal (*early warning system*) terhadap sesuatu isu atau konflik yang dilaporkan dalam Sistem E-sepakat melalui analisis jangkaan (*predictive analysis*).
4. **Mediator Komuniti sebagai pendamai masyarakat-** memberi tumpuan kepada mengurus kes-kes pertikaian di peringkat komuniti khususnya dalam hal-hal yang melibatkan jiran tetangga. Skop perkhidmatan mereka ini tertakluk kepada isu-isu yang menyebabkan ketegangan antara kejiranan perumahan bandar, kampung mahupun di kawasan strata. Antara kes-kes yang telah berjaya dikendalikan oleh barisan Mediator Komuniti seperti isu perselisihan faham antara jiran, isu gangguan bunyi bising, kacau ganggu, isu sampah, isu parking, isu haiwan liar, perselisihan berkaitan harta bersama (*common property*) dan sebagainya. Kementerian mempunyai seramai 562 orang Mediator Komuniti bertauliah dan terlatih yang bersedia untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat secara percuma.
5. **Jawatankuasa Keharmonian antara penganut agama (JK HARMONI)-** sebuah jawatankuasa terdiri daripada pemimpin agama-agama di Malaysia dengan tujuan untuk memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta penganut pelbagai agama berteraskan semangat saling hormat menghormati dan bekerjasama di semua peringkat. Jawatankuasa ini juga membantu menyelesaikan konflik atau salah faham berkaitan isu agama melalui kaedah intervensi dan mediasi.

Justeru, atas faktor ketiadaan punca kuasa penguatkuasaan, Kementerian ini hanya memberikan fokus dari segi pemantauan isu perpaduan serta pelaksanaan program intervensi di kawasan berisiko tinggi bagi meningkatkan interaksi dan integrasi antara rakyat berbilang bangsa dan agama. Apabila muncul isu atau polemik 3R, bukan kata KPN tidak terlibat tetapi KPN tidak ada kuasa penguatkuasaan. Jadi hanya Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Komunikasi mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pesalah melalui Akta Hasutan, Akta Mesin dan Cetak, Akta Polis, Kanun Keseksaan serta Akta Komunikasi dan Multimedia.

Saya percaya bahawa solidariti dan semangat kebersamaan rakyat Malaysia akan menjadi benteng utama menangani ancaman terhadap perpaduan dan keharmonian negara. Keamanan negara dan perpaduan rakyat adalah tanggungjawab bersama yang wajib dipikul oleh kita semua.

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
8 APRIL 2024